

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE  
[ SANDAKAN ]**

**TARIKH : 7 OKTOBER 2021 ( KHAMIS )**

**SOALAN**

**PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE [ SANDAKAN ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah Kerajaan bercadang untuk memulakan pemberian vaksinasi COVID-19 untuk mereka yang berusia 12 tahun dan ke atas bagi memastikan sekolah-sekolah di seluruh Malaysia dapat dibuka semula dengan selamat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan Remaja (PICK-Remaja) adalah bermula pada 8 September 2021 dengan menyasarkan seramai 3.2 juta remaja berumur 12 hingga 17 tahun. Kelulusan pemberian vaksin COVID-19 adalah kepada semua remaja yang genap berusia 12 tahun mengikut tarikh lahir hingga 17 tahun sahaja layak menerima vaksin COVID-19 pada tahun ini.

2. PICK-Remaja ini telah dimulakan di Sarawak pada 8 September 2021 dan Wilayah Persekutuan Labuan pada 11 September 2021 memandangkan kedua-dua negeri telah mencapai 80% liputan imunisasi COVID-19 dalam kalangan dewasa. Bagi negeri-negeri lain, program telah dimulakan pada 15 September 2021. Keutamaan diberikan kepada remaja berumur 16 dan 17 tahun dan seterusnya akan diperluaskan kepada remaja berumur 12 hingga 15 tahun. Sekian, terima kasih.